

(Kew. Koopjb)

LAMPIRAN Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini



No. Sebutharga **KPKDJB 400 – 1/2/5 (PYG)**

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN DAERAH JOHOR BAHRU BERHAD

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh :

Koperasi Pegawai Kerajaan
Daerah Johor Bahru Berhad,
Bilik 301, Tingkat 3, Bangunan Kerjasama,
Jalan Dhoby,
80000 Johor Bahru, Johor

No. Telefon

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan

dengan pembelian ini

No. Telefon **07- 223 2201 / 0201**

Tarikh **11 November 2018 (AHAD)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki **2 MINGGU SELEPAS SURAT SETUJU TERIMA**

1.3 Arahan Pengiriman **KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN DAERAH JOHOR BAHRU BERHAD BILIK 301, TINGKAT 3, BANGUNAN KERJASAMA, JALAN DHOBY, 80000 JOHOR BAHRU, JOHOR.**

1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda

“No. Sebutharga **KPKDJB 400 – 1/2/5 (PYG)**

1.5 Sebutharga hendaklah dihantar di alamat di atas tidak lewat pada jam

jam 3.30 petang **18** hb **NOVEMBER 2018 (AHAD)**

1.6 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh

Tandatangan

Nama Pegawai

Jawatan

SULIT

**CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DI BANGUNAN KERJASAMA
KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN DAERAH JOHOR BAHRU BERHAD**

BIL	KETERANGAN / BUTIRAN	QUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.	<p><u>KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI RESTORAN D'SARANG KOOPJB</u></p> <ol style="list-style-type: none">1. Membuat kerja-kerja memecah lantai yang rosak dengan menggunakan perlatan yang diperlukan lengkap dengan segalanya dan membuat kerja-kerja pembuangan sisa sampah yang lama keluar dari tapak projek.2. Membuat kerja-kerja menurap pasir pada permukaan lantai dengan diletakkan BRC A7 pada semua permukaan lantai serta membuat kerja-kerja berkaitan.3. Kerja-kerja konkrit lantai dengan menggunakan gred 15 dengan nisabah bancuhan 1:2:4 skrid tebal 50mm4. Membekal dan memasang longkang jenis 'half round U drain' pada kawasan longkang sediaada	<p>192/kaki persegi</p> <p>190 / kaki persegi</p> <p>190/ kaki persegi</p> <p>10/ kaki persegi</p>		
2.	<p><u>KERJA JERJI (GRILL) DEWAN MAKAN ARAS 2 KOOPJB</u></p> <ol style="list-style-type: none">1. Membuat kerja-kerja membuka jerji lama dan gantikan dengan yang baru berukuran 2400mm x 1500mm lengkap dengan engsel, kunci dan selak boleh laras serta di sapukan dengan 1 lapisan cat alas dan 2 lapisan cat kilat pada permukaannya di aras 2 dewan makan KOOPJB	<p>2 UNIT</p>		
	<p>JUMLAH DIBAWA KE MUKA 2</p>			

BIL	KETERANGAN / BUTIRAN	QUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	<p>JUMLAH DARI MUKA 1</p> <p>2. Buka yang lama dan gantikan dengan pintu yang baru jenis 'flush door' berukuran 1200mm x 900mm lengkap dengan engsel dan kunci motis berkunci serta di sapukan 1 lapisan cat alas dan 2 lapisan cat kilat pada permukaannya di aras 2 dewan makan KOOPJB .</p>	2 UNIT		
3.	<p><u>KERJA PEMBAIKAN TINGKAP DI ARAS 2 DAN 3 BANGUNAN KOOPJB</u></p> <p>Membuat kerja-kerja membaiki tingkap cermin sediaada jenis 'sliding window' lengkap dengan segala kelengkapannya serta membuat kerja-kerja berkaitan di aras tingkat 2 dan 3 bangunan KOOPJB.</p>	2 UNIT		
4.	<p><u>KERJA PEMBAIKAN DINDING DI LIF KOOPJB</u></p> <p>Membuat kerja-kerja membaiki dinding yang rosak dan berlubang dengan menggunakan bahan penampal simen 'Epo Filler' cepat kering lengkap dengan segala kelengkapannya serta membuat kerja-kerja berkaitan di aras bawah bahagian ruang selenggara lif bangunan KOOPJB.</p>	80 / KAKI	L/S	
	<p>JUMLAH DI BAWA KE MUKA 3</p>			

BIL	KETERANGAN / BUTIRAN	QUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
5.	<p>JUMLAH DARI MUKA 2</p> <p><u>KERJA SINATARI (PAIP) DI TANGGA ARAS 2 KOOPJB</u></p> <p>Membekal dan memasang paip jenis 'Polypipe' 32mm dia. Lengkap dengan segala kelengkapan dan peralatannya serta membuat kerja-kerja yang berkaitan di aras 2 bahagian tangga Bangunan Kerjasama KOOPJB.</p>	30 / KAKI		
6.	<p><u>KERJA KALIS AIR (WATERPROOFING) DI SURAU ARAS 2 KOOPJB</u></p> <p>Membekal dan membuat kerja-kerja kalis air (waterproofing) dengan menggunakan kaedah PU Injection Grouting lengkap dengan dengan bahan jenis Chemical Injection serta membuat kerja-kerja berkaitan di bilik suis Utama (Surau) aras 2 Bangunan Kerjasama KOOPJB.</p>	20 UNIT		
7.	<p><u>KERJA-KERJA PEMASANGAN SILING DI SURAU ARAS 2 KOOPJB</u></p> <p>Bekal dan pasang siling jenis gentian board 2' x 4' tebal 1.5 mm lengkap dengan segala kelengkapannya serta membuat kerja-kerja yang berkaitan termasuk menukar kayu gegulung 2' x 1' dan pendawaian elektrik yang berada di siling / slab di bilik suis utama (surau) aras 2 Bangunan Kerjasama KOOPJB</p>	1 UNIT		
	<p>JUMLAH KESELURUHAN KONTRAK</p>			

Jumlah harga dalam perkataan : (Ringgit Malaysia :
.....)

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih (Tanpa SST); dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut harga :

Nama dan K/P :
Alamat Syarikat :

Cop Syarikat :

Tarikh :

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

(i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

(ii) Penyebutharga hendaklah member kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui Barang-barang
Perkhidmatan bahawa yang dibekalkan oleh mereka

adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

(ii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat hendaklah digantikan oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

Disahkan Oleh :

.....
(HJ MOHD SALLEH BIN SULAIMAN)

Pengerusi

Jawatankuasa Teknikal, Penyelenggaraan Dan Aset

Koperasi Pegawai Kerajaan Daerah Johor Bahru Berhad

Tarikh :

SALLEH BIN SULAIMAN